



30 Januari 2024
30 January 2024
P.U. (B) 43

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS PENYEDIAAN DRAF PELAN TEMPATAN
BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

*NOTICE OF PREPARATION OF DRAFT LOCAL PLAN
FOR THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

NOTIS PENYEDIAAN DRAF PELAN TEMPATAN
BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 dan 14 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*], Datuk Bandar memberikan notis mengenai penyediaan draf pelan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dinamakan draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040.

Salinan draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 boleh diperiksa atau dibeli di Lobi Menara DBKL 1 atau di Jabatan Perancangan Bandaraya, Tingkat 14, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dari 31 Januari 2024 hingga 1 Mac 2024 pada waktu yang berikut:

Isnin hingga Jumaat - 9.00 pagi hingga 4.30 petang
(bagi pemeriksaan dan pembelian)

Sabtu, Ahad dan cuti umum kecuali - 9.00 pagi hingga 1.00 petang
cuti umum untuk Tahun Baru Cina
(bagi pemeriksaan sahaja)

Fi bagi pembelian salinan draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Fi bagi Pembelian Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040) 2024 [*P.U. (A) 22/2024*].

Orang awam dipelawa untuk membuat bantahan atau representasi, secara bertulis, berkenaan dengan draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 itu dengan menyatakan alasan bagi bantahan atau representasi kepada Datuk Bandar di Jabatan Perancangan Bandaraya, Tingkat 14, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, melalui e-mel ke jprb@dbkl.gov.my atau secara dalam talian di pautan <https://ppkl.dbkl.gov.my/e-pandangan>, pada atau sebelum 1 Mac 2024 pukul 4.30 petang.

Datuk Bandar akan menetapkan masa dan tempat untuk mendengar bantahan atau representasi yang dibuat.

Dibuat 29 Januari 2024

[DBKL/JUP/BPPP/GN/808 JLD.12; PN(PU2)396/Jld.9]

DATUK Sr HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

NOTICE OF PREPARATION OF DRAFT LOCAL PLAN
FOR THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR

IN exercise of the powers conferred by sections 13 and 14 of the Federal Territory (Planning) Act 1982 [*Act 267*], the Commissioner gives notice of the preparation of a draft local plan for the Federal Territory of Kuala Lumpur named as the draft of Kuala Lumpur Local Plan 2040.

A copy of the draft of Kuala Lumpur Local Plan 2040 may be inspected or purchased at the Lobby of Menara DBKL 1 or City Planning Department, Level 14, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur from 31 January 2024 to 1 March 2024 at the following times:

Monday to Friday - 9.00 a.m. to 4.30 p.m.
(for inspection and purchasing)

Saturday, Sunday and public holiday except public holiday for Chinese New Year - 9.00 a.m. to 1.00 p.m.
(for inspection only)

The fee for the purchase of a copy of the draft of Kuala Lumpur Local Plan 2040 shall be as prescribed in the Federal Territory (Planning) (Fee for Purchase of Draft of Kuala Lumpur Local Plan 2040) Rules 2024 [*P.U. (A) 22/2024*].

The public is invited to make objections or representations, in writing, in respect of the draft of Kuala Lumpur Local Plan 2040 by stating the grounds for the objections or representations to the Commissioner at the City Planning Department, Level 14, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, by e-mail to jprb@dbkl.gov.my or online at the link of <https://ppkl.dbkl.gov.my/e-pandangan>, on or before 1 March 2024 at 4.30 p.m.

The Commissioner will fix a time and place to hear the objections or representations made.

Made 29 January 2024

[DBKL/JUP/BPPP/GN/808 JLD. 12; PN)PU2)396/Jld.9]

DATUK Sr HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
Commissioner of the City of Kuala Lumpur